

Menyingkap Diaspora Masyarakat Bugis Di Selangor

Nur Hanani Aziman
Siti Shuhada Hanafiah
Mohd Nazir Ahmad
Ahmad Zam Hariro Samsudin

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, PuncakPerdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Etnik Bugis adalah salah satu etnik yang unik yang mendiami Malaysia. Etnik Bugis secara am dikenali dengan kemahiran di dalam lautan seperti belayar. Menerusi zaman Kesultanan Melayu Melaka mereka sangat dikenali dengan sifat pahlawan yang digeruni oleh masyarakat. Etnik Bugis mempunyai adat dan tradisinya yang tersendiri. Seperti masyarakat lain juga, mereka mempunyai loghat, pakaian tradisi, rumah tradisi, senjata dan makanan tersendiri. Masyarakat Bugis pada asalnya berasal daripada Sulawesi Indonesia. Pada zaman dahulu, terdapat lima saudara daripada Sulawesi telah berhijrah ke Tanah Melayu. Mereka adalah orang yang memperluaskan adat budaya masyarakat Bugis di Tanah Melayu. Nama mereka dikenali dengan Daeng Chelak, Daeng Merewah, Daeng Kemasi, Daeng Menambun dan Daeng Parani. Masyarakat bugis secara am nya lebih dikenali dengan aktiviti adalah kehidupan mereka iaitu belayar, mengembara, berdagang dan merantau. Mereka berhijrah dari Sulawesi ke Tanah Melayu adalah disebabkan penjajahan Belanda di Indonesia. Terdapat dua tahap perpindahan masyarakat Bugis ke Tanah Melayu. Yang pertama adalah pada kurun ke 16 akibat penjajah. Perpindahan tahap kedua disebabkan oleh kerana pada masa itu Sulawesi dilanda kemiskinan dan gejala sosial yang serius. Di samping itu juga, di Tanah Melayu mempunyai banyak peluang pekerjaan dan pembukaan tanah yang menjamin hidup etnik Bugis yang lebih selamat di Tanah Melayu

Kata kunci: Masyarakat Bugis, maritim, pahlawan, Sulawesi, Daeng

Pengenalan

Maksud Bugis menurut *kamus Dewan* bermaksud suku yang berasal dari Sulawesi Selatan, Indonesia, dan terkenal sebagai pelayar yang gagah. (Kamus Dewan, 2010:212). Walau bagaimanapun, etnik Bugis telah lama mendiami Tanah Melayu dari zaman dahulu. Pada zaman dahulu, masyarakat Bugis terkenal dengan aktiviti berlayar dan perkapalan. Mereka juga terkenal dengan sifat kepahlawanan yang digeruni pada zaman Kesultanan Melayu Melaka (Zahir Zainuddin, 2016)

Etnik Bugis pada zaman dahulu suka membuka penempatan di pesisiran pantai. Apabila mereka belayar dan sampai di suatu tempat, mereka akan membuka penempatan di situ. Sambil mereka mengembara dan berlayar mereka akan singgah di kawasan pesisiran pantai untuk membuka penempatan. Dalam pada masa yang sama mereka juga ada yang berkahwin dengan orang tempatan di Tanah Melayu. Dari situlah bermulanya perluasan masyarakat Bugis ke Tanah Melayu. (Raja Yunus Raja Suran, 2018)

Sejarah Awal Kedatangan Masyarakat Bugis

Etnik Bugis pada awalnya berpindah ke Tanah Melayu seperti Johor dan Borneo. Mereka telah pergi ke Klang, Selangor dan di situ lah bermulanya era Kesultanan di Selangor. Daripada situ bermula titik permulaan penempatan masyarakat Bugis di Tanah Melayu.

Etnik Bugis mula berada di Tanah Melayu untuk membantu Raja Sulaiman. Raja Sulaiman pada masa itu merupakan pemegang tampuk pemerintah di Pahang, Riau, Johor dan Lingga. Orang Bugis pada masa itu membantu untuk mendapatkan semula Lingga, Johor dan Riau yang telah ditawan oleh Raja Kechil di Siak. Selepas Raja Sulaiman menghantar utusan kepada Raja Bugis, angkatan tentera Bugis datang dengan membawa tujuh buah kapal menuju ke Riau bagi tujuan menyerang Riau. Pada masa itu, Raja Kechil kalah dengan Raja Sulaiman atas bantuan orang Bugis di Riau dan melarikan diri ke Lingga. Sebagai balasan kepada pihak Bugis, Raja Sulaiman memberikan takhta pemerintahan kepada Raja Bugis dimana atas kemahuan mereka mahukan raja-raja Bugis dilantik menjadi Yamtuan Besar

atau Yang Di-Pertuan Muda, bagi memerintah Riau, Johor dan Lingga secara bersama. Setelah kemenangan berpihak kepada Raja Bugis di Riau, akhirnya Raja Bugis berhijrah ke Selangor untuk memperkuatkan lagi bala tentera dan mengumpulkan senjata bagi menyerang Raja Kechil yang dianggap musuhnya. Raja Sulaiman selepas itu pulang ke negeri Pahang. Raja Kechil telah melawan dengan menakluki semula Riau semasa keberadaan Raja Bugis di Selangor. Apabila hal ini diketahui oleh Raja Kechil, Raja Kechil telah menawan Riau semula. Raja Bugis telah membawa tiga puluh buah kapal perang dan bala tentera bagi menyerang Raja Kechil untuk mendapatkan semula Riau. Dalam perjalanan, mereka telah menawan Riau yang merupakan salah satu daerah yang diperintah oleh Raja Kechil.


Selepas membantu Raja Sulaiman menyerang Raja Kechil, Daeng Chelak iaitu Raja Bugis telah berhijrah ke Kuala Selangor. Penduduk dan masyarakat di Kuala meminta Daeng Chelak untuk terus menetap di Kuala Selangor dan menjadi pemerintah mereka di situ. Daeng Chelak telah menolak permintaan Raja Sulaiman kerana ingin kembali ke Riau dan memerintah Riau. Namun begitu, beliau memberikan pengganti untuk menjaga amanah bagi memerintah Kuala Selangor iaitu Raja Lumu. Permulaan pemerintahan Raja Lumu telah menjadi titik pemerintahan Kesultanan Selangor pada hari ini (Abd Latiff,2015)

Loghat dan Huruf

Loghat dan huruf yang unik sukar dipisahkan dari masyarakat Bugis. Tulisan ini sukar difahami dan hanya masyarakat Bugis tradisional boleh memahaminya. Loghat Bugis ini digunakan oleh etnik Bugis untuk berkomunikasi antara mereka. Loghat ini pada asalnya digunakan oleh masyarakat Bugis asli di Sulawesi. Bahasa Bugis juga atau nama lainnya dikenali sebagai sebagai 'Bahasa Ugi'. Bentuk dan motif etnik Bugis juga berbeza dengan yang lain. Huruf ini sukar difahami dan kadang kala berbentuk seperti tulisan jawi. Menurut Raja Yunus Raja suran (2018), hanya orang tertentu yang memahami tulisan dan huruf Bugis ini. Huruf tersebut sukar difahami kerana mempunyai maksud yang berbeza. Menurutnya, pada

zaman kini hanya segelintir orang Bugis yang boleh memahami dah mengetahui penggunaan huruf Bugis yang sukar difahami. Berikut merupakan contoh huruf Bugis yang digunakan oleh masyarakat Bugis pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Tulisan ini digunakan dalam penulisan pada zaman dahulu. Tulisan ini juga digunakan sebagai alat komunikasi melalui surat dia antara masyarakat Bugis yang lain. Daripada situ, berkembangnya pengetahuan etnik Bugis dalam mempelajari tulisan dan huruf Bugis ini (Saidah Ismail,2001).



Gambar 1: Tulisan masyarakat Bugis yang disimpan oleh Raja Yunus

No	Nama	Pengetikan	Aksara Lontara Bugis	No	Nama	Pengetikan	Aksara Lontara Bugis
1	ka	k	⚡	15	nya	N	⚡
2	ga	g	⚡	16	nca	C	⚡
3	nga	G	⚡	17	ya	y	⚡
4	ngka	K	⚡	18	ra	r	⚡
5	pa	p	⚡	19	la	l	⚡
6	ba	b	⚡	20	wa	w	⚡
7	ma	m	⚡	21	sa	s	⚡
8	mpa	P	⚡	22	a	a	⚡
9	ta	t	⚡	23	ha	h	⚡
10	da	d	⚡	No.	Bunyi	Pengetikan	Contoh
11	na	n	⚡	1	u	u	⚡
12	nra	R	⚡	2	e	e	⚡
13	ca	c	⚡	3	o	o	⚡
14	ja	j	⚡	4	ae	E	⚡

Gambar 2: maksud setiap huruf tulisan etnik Bugis

Pesalinan Bugis

Masyarakat Bugis mempunyai pakaian yang melambangkan etnik mereka. Mengikut apa yang dikatakan oleh Raja Yunus (2018) etnik Bugis pada zaman dahulu berlayar dengan memakai kain sarung seperti kain pelikat tetapi lain sedikit rupanya. Kain seperti kain pelikat tersebut merupakan tenunan khas yang datangnya dari Sulawesi. Kain tenunan Bugis dihiasi corak bunga cengkih yang samar-samar dilihat oleh pandangan mata menjalar ke atas. Kebiasaannya, pada seni pendilatan dan kegunaan harian etnik Bugis akan menggunakan kain yang cantik motifnya ini.

Etnik Bugis juga memiliki pakaian khas bagi adat istiadat diraja berwarna kuning keemasan. Pakaian tersebut melambangkan warna diraja. Etnik Bugis juga mempunyai berjenis-jenis tanjak yang digayakan bersama kain sarung khas Bugis yang di tenun. Tanjak masyarakat Bugis kebiasaan digunakan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ia digunakan ketika belayar, mengembara dan semasa berada di atas kapal perang Bugis (Radzie Sapie,2018). Pada zaman ini tanjak juga turut digunakan oleh etnik Bugis apabila mereka menyertai program yang melibatkan dan menghimpunkan etnik mereka.



Gambar 3: pakaian masyarakat Bugis yang masih digunakan sehingga kini

Hidangan Zaman Berzaman

Makanan merupakan satu tradisi yang diwarisi oleh keturunan yang dahulu. Masyarakat Bugis mempunyai makanan khas mereka yang diwarisi dari zaman dahulu iaitu zaman Kesultanan Melayu Melaka. Makanan tradisional masyarakat Bugis yang lebih dikenali dengan burasak. Burasak atau burasa' adalah makanan yang paling sedap dan paling digemari oleh

suku kaum Bugis. Burasak dimasak dengan teliti daripada padi beras dan santan dan dibaluti dengan daun pisang. Menurut Raja Yunus Raja Suran (2018) burasak merupakan hidangan yang dimasak dalam keadaan waktu yang lama. Tidak seperti makanan tradisional yang lain, kaedah memasak burasak adalah berbeza seperti masakan lain. Burasak perlu dimasak lebih kurang berjam-jam lamanya bagi mendapatkan rasa yang sedap dan berlemak santan. Menurut beliau, rasa burasak sangat sedap dan berlemak kerana ia dimasak dengan kaedah masakan yang betul-betul dan masa yang lama. Burasak dimakan pada waktu perayaan etnik Bugis dan apabila ada program yang diadakan oleh masyarakat Bugis.



Gambar 4: Burasak yang telah dimasak

Senjata dan Seni mempertahankan diri

Etnik Bugis mempunyai senjata warisan mereka. Senjata tersebut atau nama uniknya badik berbentuk kecil dan memanjang. Badik berbentuk

seperti pisau kecil yang tajam. Menurut Raja Yunus (2018), badik mempunyai sifat yang dipengaruhi oleh pemiliknya. Sifat ini dapat memberikan keadaan tuannya yang mendatangkan sifat semulajadi kepada menyimpannya. Etnik Bugis mempercayai bahawa badik mempunyai kuasanya yang tersendiri. Dari zaman dahulu, badik digunakan sebagai alat untuk membela diri dan berburu tetapi juga sebagai identiti dalam sebuah masyarakat. Pada am nya, badik terdiri daripada tiga bahagian, iaitu hulu (gagang) iaitu tempat memegang senjata tersebut dan bilah (besi), serta sarung badik. Seni mempertahankan diri masyarakat Bugis terkenal dengan persilatan yang namanya Silat Gayung Serantau Malaysia (Zahari Zainal, 2011). Ia diwujudkan bertujuan untuk mempertahankan diri dari serangan musuh. Pada zaman dahulu, orang Bugis menggunakan silat ini bagi melindungi diri daripada musuh. Silat ini dipercayai telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka dalam usaha menentang kemasukan penjajah dan daripada ancaman musuh.



Gambar 5: Badik yang mempunyai bentuk yang kecil

Rumah Tradisional

Rumah asli Bugis masih ada dipelihara pada zaman ini. Keunikan senibina rumah asli Bugis mempunyai reka bentuk tersendiri dan mempunyai struktur yang berbeza dengan rumah tradisi yang lain. Bentuk rumah Bugis memanjang kebelakang, dan ditambah bahagian utama dan bahagian depan. Rakkeang atau loteng adalah bahagian atas rumah Bugis (Ayu Amaliah Rahmadhani, 2013). Tempat ini pada zaman Bugis dahulu biasanya

digunakan untuk menyimpan padi yang baru di tuai. Selain itu, bahagian itu juga menempatkan anak dara kepada tuan rumah untuk duduk di situ apabila ada tetamu yang datang di rumah itu. Bahagian bawah rumah Bugis dipanggil Awa Bola, ia antara lantai rumah dengan tanah. Menurut Raja Yunus (2018), kebanyakan bangunan masyarakat Bugis terdiri daripada bentuk tiga bahagian yang melambangkan tiga cara kehidupan iaitu orang biasa, orang pertengahan dan orang di raja. Senibina ruma Bugis menurutnya wajib memiliki sekurang-kurangnya sebaris anak tangga kerana mereka menggunakan istilah 'rumahtangga' dan mempercayai salah satu faktor kesejahteraan rumah tangga dipengaruhi oleh senibina rumah.

Kesimpulan

Etnik Bugis adalah etnik yang unik yang mendiami Malaysia sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Etnik Bugis meadalah etnik yang berasal dari Sulawesi yang memiliki warisan yang diwarisi sejak turun temurun dari generasi ke generasi. Etnik Bugis ini bergerak dan berusaha menerapkan kehidupan berdasarkan institusi kekeluargaan, kemasyarakatan, kenegaraan. Selain itu, etnik Bugis walaupun hidup jauh di perantauan, tetapi mereka tetap terus berusaha keras mengembangkan potensi diri dan daerah mereka tempati ke arah kebaikan dan bermanfaat. Mereka memiliki semangat kerja yang tinggi, memiliki keberanian, sangat berani dan sentiasa bersatu antara satu sama lain.

Rujukan

- Abdul Latiff. (2015). Sejarah dan Politik Kerajaan Bugis. (2015). 1st ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, pp.202-300.
- Kamus Dewan edisi 2010 , Dewan Bahasa dan Pustaka. 2nd ed. Bugis : Kuala Lumpur
- Ayuamaliah Rahmadhani. (2013). *sulawesi selatan costums*. [online] Ayuamaliah17.blogspot.com. Available at: <http://ayuamaliah17.blogspot.com/> .
- Zahari zainal. (2011). MINGGU 3:TRANSISI E. TRADISI KPD KAPITALIS. [online] Nukilanzahari.blogspot.com. Available at: <http://nukilanzahari.blogspot.com>

- Radzie Sapiee. (2018). *CATATAN SI MERAH SILU*. [online] Merahsilu.blogspot.com. Available at: <http://merahsilu.blogspot.com>
- Zubaidah Kadil. (2016). *Kaum Bugis*. [online] zubaidahKadil. : <http://zkamazingtourism.blogspot.com/p/pengenalan-bugis>
- Zahir Zainuddin. and profile, V. (2016). Etnik Bugis di Malaysia. [online] Zahirzainudin.blogspot.com. Available at: <http://zahirzainudin.blogspot.com/2016/03/etnik-bugis-di-malaysia.html>
- YM Raja Yunus Raja Suran. (2018) Pengerusi Persatuan Anak-Anak Bugis Malaysia Daerah Kuala Selangor, Bukit Malawati. (1 Nov 2018)